



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 10 pagi, Rabu 20 Disember 2023.

Untuk Terbitan Media

20 Disember 2023

SIARAN MEDIA

573,000 TERIMA FAEDAH BERKALA PERKESO SEPERTI DIJADUAL

ALERT: KESELURUHAN BAYARAN MENCECAH RM325j

KUALA LUMPUR: Bayaran faedah berkala Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) kepada 573,000 penerima di seluruh negara berjaya dikreditkan sepenuhnya semalam.

Penyaluran bayaran yang antara lain merangkumi Pencen Ilat, Faedah Orang Tanggungan, Pencen Penakat dan Faedah Hilang Upaya Kekal itu membabitkan jumlah keseluruhan kira-kira **RM325 juta**.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed, ketika memperincikan perkembangan itu berkata komitmen pembayaran jangka panjang bagi semua penyaluran faedah berkenaan masih menepati jadual yang ditetapkan.

Tegasnya, hal itu penting kerana bayaran faedah berkala adalah talian hayat kepada anak yatim, ibu tunggal dan individu terbencana di seluruh negara.

“Semua bayaran faedah berkala yang dinanti-nantikan oleh 573,000 penerima di seluruh negara, meliputi anak yatim, ibu tunggal dan individu terbencana berjaya dikreditkan sepenuhnya.

“Ini komitmen yang PERKESO utamakan rentetan serangan siber sebelum ini, demi memastikan kelangsungan hidup pencarum dan waris tidak terjejas,” katanya dalam kenyataan, hari ini.

Mengulas lanjut, Dr. Mohammed Azman berkata, semua sistem dan teras PERKESO sudah beroperasi seperti sediakala, dengan langkah penambahbaikan khususnya dari segi aspek keselamatan.

Tamat

###

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip 'Prihatin' dan '*leaves no one behind*'. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MyFutureJob One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Dikeluarkan oleh:

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat
20 DISEMBER 2023**

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Mohd Wazid Zaidon

+6017-619 3181

wazid.zaidon@perkeso.gov.my